



KEMENTERIAN KEMAJUAN  
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**  
**MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

### **SEMPENA**

**MAJLIS HARI INOVASI RISDA TAHUN 2017**

**AUDITORIUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH,  
IBU PEJABAT RISDA,  
KUALA LUMPUR**

**25 OKTOBER 2017 (RABU)**  
**WAKTU KETIBAAN: 11.00 PAGI**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

YBrs. Pengerusi Majlis

YB.Datuk Zahidi bin Zainul Abidin  
Pengerusi RISDA

YBhg.Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad  
Ketua Pengarah RISDA

YBhg.En.Nasarudin bin Malek  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA  
YBhg.En.Abdullah bin Zainal  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat) RISDA

Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah RISDA Negeri,

Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA

Yang Diraikan Penerima-penerima Anugerah Kualiti dan Inovasi

Rakan-rakan media

Serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa,**

1. Alhamdulillah, setinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T. di atas perkenanNya maka hari ini kita dapat bersama – sama dalam majlis yang begitu signifikan dalam membudayakan inovasi di kalangan warga RISDA. Terlebih dahulu saya ingin merakam sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pengurusan RISDA kerana menjemput saya untuk menyempurnakan Hari Inovasi RISDA 2017 yang penuh berprestij ini dengan tema **BUDAYA INOVASI RANGSANG PRODUKTIVITI.**

2. Pada kesempatan ini juga, saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada jawatankuasa penganjur atas usaha dan komitmen yang ditunjukkan dalam memastikan Program Hari Inovasi RISDA terlaksana dengan jayanya. Hasil dari lawatan ke booth pameran sebentar tadi menyaksikan produk inovasi RISDA

berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi dan pastinya memberikan manfaat yang besar kepada sector pekebun kecil.

Para hadirin sekalian,

3. *Think Big, Act Now*, satu pendekatan yang sinonim dengan Transformasi Luar Bandar “Membandarkan Luar Bandar” yang telah saya perkenalkan sebelum ini yang berpaksikan kepada enam teras utama iaitu Prasarana Luar Bandar, Pembangunan Belia, Ekonomi, Keusahawanan, Modal Insan dan Sistem Penyampaian. Jika diimbaz kembali pencapaian di bawah transformasi ini pelbagai inisiatif, usaha dan perancangan yang telah berjaya membuahakan hasil. Kita semua juga telah sepakat dan bekerjasama malah tidak lagi bekerja dalam suasana “silo”. Buktinya, RISDA kini telah memiliki produk Rumah Bina Negara hasil kerjasama dengan Agrobank. Sudah mampu menubuhkan RiSSmart yang menjadi pusat jualan setempat produk usahawan dengan gagasan 1 Parlimen 1 Rissmart. Produk usahawan RISDA juga bakal ke negara China sepertimana perjanjian yang dilaksanakan di Karnival Usahawan Desa baru – baru ini. UniAgro (UCAM) telah berjaya mewujudkan program Diploma Pembangunan Luar Bandar di mana satu – satunya program luar Bandar yang ditawarkan di pentas pendidikan Negara dan RISDA Estates juga berjaya membangunkan Ulu Slim, Eco Park yang memberi peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar menjana pendapatan. Inilah antara hasil inovasi perkhidmatan yang patut diberi pujian di atas usaha keras Tuan / Puan semua dalam memastikan Transformasi Luar Bandar mencapai matlamat yang diimpikan. Syabas dan tahniah kepada RISDA kerana berjaya menyahut cabaran dan harapan saya agar kita semua lebih agresif memastikan masyarakat luar Bandar diperkasa dari semua lapangan.

4. Transformasi Nasional 2050 (TN-50) yang diperkenalkan oleh YAB Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abd. Razak, Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini merupakan kesinambungan untuk melahirkan generasi yang berfikiran kreatif dan inovatif. Inovasi dan kreativiti amat penting untuk mana-mana organisasi, syarikat atau negara agar tidak ketinggalan di dunia yang semakin kompetitif. Syarikat telefon gergasi suatu ketika dahulu, Nokia dipintas dan kini pasaran telekomunikasi dikuasai smartphone seperti Apple, Samsung dan Huawei. Ini menunjukkan hanya organisasi yang mengamalkan inovasi akan berjaya dalam persaingan yang kompetitif. Begitu juga bagi sebuah kerajaan, kita perlu laksanakan penyampaian kerajaan dengan baik dan lebih berkesan untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

5. Selaras dengan TN 50, inovasi hari ini perlu memanfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi. Dunia kini bergerak ke arah Revolusi Industri ke 4 di mana ia banyak mengaplikasikan teknologi berbentuk mesin, robotic dan penggunaan Artificial Intelligence. Justeru, RISDA perlu membina pendekatan berdasarkan kepada perubahan ini demi memastikan kelangsungan perkhidmatan agensi. Bermula dari sekarang kita bukan hanya bekerja keras semata-mata, tetapi dengan

teknologi kita mampu mewujudkan peluang pekerjaan baharu yang bersesuaian pada masa depan. Urusan kerja juga perlu dipermudahkan dengan meluas melalui penggunaan teknologi digital dalam bidang perladangan, proses tanam semula, aplikasi keusahawanan, pendidikan dan sebagainya. Usaha ini perlu dilaksanakan dengan serius untuk memastikan generasi muda dapat tinggal dan membina masa hadapan di luar Bandar. Sehubungan itu, bagi bersama mencapai kejayaan dalam TN 50 ini, saya sarankan agar pengurusan RISDA melaksanakan persidangan TN 50 bersama generasi muda pekebun kecil agar dapat memperoleh idea dan pandangan baru daripada generasi ini.

Hadirin sekalian,

6. Inovasi juga tidak terikat dengan inovasi teknologi semata. Sebaliknya, inovasi turut merangkumi pendekatan Inovasi Sosial yang turut memberi manfaat kepada rakyat dan negara. Inovasi sosial perlu dilaksanakan untuk mempermudah kaedah penyelesaian, memperbaharui tradisi lama dengan membina konsep baharu demi kesejahteraan hidup rakyat. Misalnya, inovasi sosial dalam merakyatkan KKLW perlu sentiasa diperluaskan oleh RISDA dengan memperbanyakkan aktiviti perdampingan dan touch point bagi memudahcara dan mendekati rakyat serta dalam masa yang sama dapat menyelami masalah masyarakat pekebun kecil.

7. Selaras dengan Hari Inovasi RISDA ini, saya harapkan agar semua peserta inovasi tidak hanya bertanding untuk menjuarai pertandingan dan mempamerkan produk atau perkhidmatan sahaja. Hasil inovasi mestilah sentiasa diperbaiki dan dimajukan dari masa ke semasa untuk manfaat pekebun kecil. Inovasi yang berjaya perlu dipatenkan agar idea Tuan / Puan semua tidak diciplak atau ditiru oleh pihak tidak bertanggungjawab. Saya percaya, sepanjang proses melakukan inovasi ini, pastinya akan ada kesilapan, kegagalan dan kekecewaan. Namun, kesungguhan dan dedikasi untuk menghasilkan sesuatu yang baik kepada organisasi dan masyarakat pekebun kecil harus menjadi insentif untuk terus gigih berusaha.

8. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan tahniah dan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Hari Inovasi RISDA 2017 di atas kejayaan penganjuran majlis penuh gilang gemilang hari ini. Syabas dan tahniah juga kepada semua pemenang inovasi dan diharapkan segala kerjasama dan komitmen yang telah diberikan selama ini akan tetap diteruskan di masa-masa yang akan datang untuk memberi nilai kepada masyarakat luar bandar terutamanya pekebun kecil RISDA selaras dengan tagline, Membandarkan Luar Bandar.

9. Dengan berakhirnya ucapan tadi dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim', saya dengan ini sukacitanya merasmikan Majlis Hari Inovasi RISDA Tahun 2017.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.  
Terima kasih.